



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11/01/2018

Lawatan kerja PM atas jemputan Raja Salman

BH - 11/1/2018 pg 2

➔ Pemimpin
bincang
isu dua hala
dipersetujui
Riyadh, KL

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
dan Mohd Aizat Shamsuddin
bhnews@bh.com.my

▮ Kuala Lumpur

Lawatan kerja Datuk Seri Najib Razak ke Arab Saudi adalah atas jemputan Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al-Saud.

Lawatan Perdana Menteri itu bagi membincangkan isu dua hala yang dipersetujui kedua-dua negara ketika kunjungan Raja Salman ke Malaysia, tahun lalu. Najib dan rombongan turut diberi taraf tetamu

negara oleh Kerajaan Arab Saudi.

Pejabat Perdana Menteri dalam satu kenyataan menerusi akaun Facebook rasminya semalam, memaklumkan rombongan turut disertai Datin Seri Rosmah Mansor; ibu Perdana Menteri, Tun Rahah Mohammad Noah; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom; ahli keluarga dan kenalan.

Perbelanjaan ahli keluarga, kenalan ditanggung sendiri

Kenyataan itu berkata, perbelanjaan ahli keluarga dan kenalan Najib ke Tanah Suci ditanggung sendiri, manakala hanya Tun Rahah menaiki kapal terbang bersama Perdana Menteri ke Arab Saudi.

"Nama keseluruhan delegasi dimasukkan dalam senarai rasmi rombongan Perdana Menteri bagi memudahkan urusan pentadbiran untuk menunaikan umrah," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri sempat melaungkan masa melawat Raudhah dan Makam Nabi

Muhammad SAW selepas solat Isyak di Masjid Nabawi.

Masuk makam Rasulullah

Menerusi kenyataan di Facebook rasminya, Najib berkata, Raja Salman memberi kebenaran kepada beliau dan keluarga untuk memasuki makam Rasulullah.

"Alhamdulillah, semalam saya dan keluarga melawat Raudhah dan Makam Nabi Muhammad selepas solat Isyak di Masjid Nabawi. Raja Arab Saudi, Raja Salman Abdulaziz Al Saud, memberi kebenaran untuk saya dan keluarga, termasuk bonda memasuki makam Rasulullah.

"Kami bersyukur dapat memasuki makam Nabi Muhammad dan diberi penghormatan berbuat demikian kerana ia hanya diberikan kepada tetamu istimewa Kerajaan Arab Saudi dan tidak ramai mendapat peluang itu," katanya.

Najib dan rombongan dijangka mengerjakan umrah di Tanah Suci Makkah, hari ini.